



Home » Selesaikan tunggakan cukai 2024 segera!

Selesaikan tunggakan cukai 2024 segera!


Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM 5 Disember 2024, 7:31 am



Paparan hadapan portal MyTax yang menyokong semua urusan pencukaian secara digital.

PETALING JAYA – Cukai bukan sekadar kewajipan undang-undang, ia merupakan sumber utama kepada pendapatan negara dan memberi manfaat besar kepada pembangunan serta kebajikan seluruh rakyat.

Menurut kenyataan Lembaga Hasil Dalam Negeri (HASiL), pembinaan negara dapat direalisasikan apabila setiap rakyat menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai.



“Hasil daripada kutipan cukai digunakan untuk menyokong pelbagai sektor pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pembangunan infrastruktur.



“Sebagai contoh, cukai membolehkan kerajaan membina sekolah dan universiti untuk memastikan rakyat mendapat pendidikan yang berkualiti,” katanya.

Jelas kenyataan tersebut, salah satu tunjang utama kepada kejayaan sistem percukaian negara adalah kepatuhan cukai.

“Setiap individu dan perniagaan bertanggungjawab melaporkan pendapatan mereka dengan jujur dan membayar jumlah cukai yang sewajarnya.



Mengurangkan proses manual dan kesilapan
Pemrosesan invoice bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik



Memudahkan pengemukaan borang nyata
Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar



Meningkatkan kecekapan operasi
Pemeriksaan kecekapan pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos



Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan
Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri

Portal MyTax tidak hanya memudahkan, malah memastikan segala urusan percukaian dilakukan secara cekap sambil mengurangkan kesilapan.

“Kegagalan melakukannya bukan sahaja melanggar undang-undang tetapi turut menjejaskan usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lancar,” jelasnya.

Sehubungan itu, HASIL komited untuk memastikan setiap rakyat dapat menunaikan tanggungjawab cukai mereka dengan mudah dan lancar.

Bermula 1 Januari 2024, semua urusan cukai akan dilakukan sepenuhnya melalui platform digital di Portal MyTax.

“Melalui portal ini, anda boleh mengakses maklumat cukai, melaporkan pendapatan dan membuat pembayaran secara dalam talian, semuanya hanya dengan beberapa klik sahaja.

“Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat cukai menerusi platform media sosial LHDN seperti Facebook, Instagram, TikTok, X (Twitter) dan YouTube,” katanya.

Oleh itu, sebelum tirai 2025 dibuka, inilah masa terbaik untuk untuk menyemak dan menyelesaikan tunggakan cukai bagi tahun 2024, jika ada.

“Jangan lupa manfaatkan pelepasan dan rebat cukai yang ditawarkan untuk mengurangkan bayaran cukai anda pada tahun hadapan.

“HASIL sentiasa bersedia membantu dengan segala informasi yang diperlukan, pengguna boleh melayari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut,” katanya. -KOSMO! ONLINE

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



Tags: hasil LHDN MyTax pembayar cukai portal tunggakan cukai



GELINTAR IKLAN
Pesara akan dapat membeli kereta elektrik ini, lihat harganya

KETAHUI LANJUT →



TERKINI

- ▶ Hujan berterusan selama 4 hari di utara, Pantai Timur bermula Ahad 🕒 5 Disember 2024, 2:30 pm
- ▶ Hujan lebat, angin kencang landa 5 negeri petang ini 🕒 5 Disember 2024, 2:24 pm
- ▶ Remaja 16 tahun terbunuh, rakan parah 'Ysuku' terbabas masuk parit 🕒 5 Disember 2024, 2:21 pm
- ▶ Sektor perikanan lubuk eksploitasi kerja warga asing 🕒 5 Disember 2024, 2:15 pm
- ▶ Pemandu peribadi direman buat seks luar tabii bersama suami majikan 🕒 5 Disember 2024, 2:10 pm

Utusan Malaysia


[Kes juruwang mati ditikam: Wanita warga China ditahan bantu siasatan](#)

[PARLIMEN: Seramai 23,957 murid terjejas banjir di 3 negeri](#)

[Rawat jerawat dengan cara mudah](#)

[Skandal rasuah ADUN: Integriti pemimpin GRS dipersoal – Suhaimi](#)

[Perjanjian pertahanan Russia, Korea Utara berkuat kuasa](#)



- [Panduan memandu ketika banjir](#)
- [Simptom senggugut makin teruk bila usia meningkat? Ini penjelasan dan rawatannya](#)
- [Pentingnya menuntut ilmu dengan beradab](#)
- [Mark Zuckerberg ikon teknologi dunia](#)
- [Derita mangsa keganasan rumah tangga](#)

BERITA BERKAITAN



Hasil suku tahunan KPJ Healthcare melebihi nilai RM1 bilion

25 November 2024, 6:46 pm



Johor umum belanjawan surplus RM5.12 juta

21 November 2024, 11:49 am



Pendaftaran plat MADANI catat kutipan hasil RM2.6 juta

25 Oktober 2024, 6:43 pm



Abu Tariq dilantik Presiden CATA

23 Oktober 2024, 10:49 pm



ESSCOM tahan enam individu, rampas wang tunai RM1.4 juta

12 Oktober 2024, 6:15 pm





Di mana silapnya pembangunan olahraga negara

13 September 2024, 8:42 am



Sunway rekod hasil RM1.579 bilion suku kedua 2024

28 Ogos 2024, 8:06 pm



DRB-HICOM catat hasil RM8.09 bilion separuh pertama tahun 2024

28 Ogos 2024, 7:50 pm



